



SIARAN MEDIA

KPKT MENDUKUNG HASRAT KERAJAAN MADANI MEMPERKASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN MENGIKTIRAF PERANAN PENGAMAL MEDIA

PUTRAJAYA, 15 Ogos 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pra-Pelancaran **Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023** dan **Anugerah Kecemerlangan Media KPKT 2023** bertempat di Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini. Dalam majlis tersebut, YB KM turut memperkenalkan secara rasmi replika trofi kedua-dua anugerah tersebut.

Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023 membawa simbolik **slogan KPKT** iaitu '*stronger together*', '*unity in diversity*' dan '*demi pertiwi*' melalui kepimpinan cemerlang dan berkualiti dalam melaksanakan dasar-dasar Malaysia MADANI. Ini selari dengan **usaha pemerkasaan penyampaian perkhidmatan KPKT yang terus menjadi fokus utama Kementerian** dalam memastikan kesejahteraan rakyat.

Sebanyak **12 kategori Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023** akan dipertandingkan merangkumi **lapan (8) anugerah bagi kategori individu** iaitu;

1. Anugerah Keunggulan Menteri;
2. Anugerah Berlian KPKT;
3. Anugerah Kepimpinan Terbaik;
4. Anugerah Kepimpinan Berinspirasi;
5. Anugerah Pemimpin Harapan;
6. Anugerah Personaliti Unggul;
7. Anugerah Hati Emas; dan
8. Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik.

Manakala **empat (4) anugerah bagi kategori berkumpulan** pula ialah;

1. Anugerah Hijau KPKT;
2. Anugerah Organisasi Sejahtera;

3. Anugerah Organisasi Paling Responsif; dan
4. Anugerah PBT Cemerlang.

Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri KP KT 2023 yang akan berlangsung pada 11 November 2023 ini mendapat sokongan dan kerjasama dari rakan strategik iaitu Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dalam menjayakan penganjuran majlis ini. Penerima anugerah akan diberikan penghargaan dan ganjaran dalam bentuk hadiah wang tunai bernilai sehingga RM20,000 (tertakluk kepada kategori), Sijil Penghargaan, trofi dan kursus jangka pendek di universiti ternama di luar negara bagi kategori terpilih.

Melalui Anugerah Kecemerlangan Menteri KP KT 2023 juga, Kementerian ingin **mengiktiraf sumbangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** yang komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan khususnya kepada masyarakat setempat. Oleh itu, anugerah ini turut juga ditujukan kepada semua PBT yang menunjukkan prestasi daya kerja cemerlang, progresif, berdaya maju dan dinamik dalam melonjakkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan untuk membangunkan lokaliti masing-masing.

Anugerah Kecemerlangan Media KP KT 2023 pula merupakan usaha KP KT dalam **mengiktiraf serta mengangkat peranan berterusan pengamal media dalam menterjemah agenda utama KP KT**. Ia juga menyokong usaha berterusan negara dalam memastikan penyampaian maklumat berkesan, tepat dan sahih kepada rakyat melalui pelbagai saluran media.

Terdapat **10 kategori Anugerah Kecemerlangan Media KP KT 2023** yang akan dipertandingkan iaitu;

1. Anugerah Liputan Perumahan Terbaik;
2. Anugerah Liputan PBT Terbaik;
3. Anugerah Liputan Wira Merah Terbaik;
4. Anugerah Liputan Kemampunan Bandar & Persekutaran Hijau Terbaik;
5. Anugerah Liputan Pengurusan Sisa Pepejal Terbaik;
6. Anugerah Liputan Kredit Komuniti Terbaik;
7. Anugerah Liputan Radio Terbaik;
8. Anugerah Khas Liputan Multimedia;
9. Anugerah Kewartawanan Foto Terbaik; dan
10. Anugerah Khas YB KM (Anugerah Utama).

Buat julung kalinya, **Anugerah Kecemerlangan Media KP KT 2023 yang bakal berlangsung pada 3 November 2023** ini melibatkan kerjasama antara KP KT dengan *Malaysian Press Institute (MPI)*. Setiap penyertaan media dinilai secara teliti mengikut tahap piawaian penjurian berkualiti tinggi oleh juri profesional dan berpengalaman sebelum dinobatkan sebagai penerima anugerah berprestij ini. Semua pemenang akan menerima trofi serta hadiah berupa wang tunai RM3,000 manakala penerima Anugerah Khas YB KM bakal menerima wang tunai berjumlah RM10,000. Sehingga kini, sambutan yang diterima amat menggalakkan dan KP KT turut mengalu-alukan penyertaan lebih ramai pengamal media sehingga tarikh tutup penyertaan pada 5 September 2023.

YB KM berkata, "Penganjuran kedua-dua anugerah berprestij ini diharap dapat memberi inspirasi kepada pasukan KP KT untuk sentiasa membudayakan semangat daya saing agar terus komited melaksanakan pembaharuan dalam melestarikan perkhidmatan yang cemerlang. Selain itu, ia juga merupakan usaha KP KT bagi memartabatkan peranan utama pengamal media dalam menyampaikan berita yang sahih dan tepat selain mengelakkan penyebaran berita palsu demi mengukuhkan perpaduan, keharmonian dan meningkatkan kestabilan ekonomi negara."

Turut hadir dalam majlis tersebut YBhg. Dato' M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KP KT; Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KP KT; YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA); YBrs. Tuan Mohd Azri Atan, Pengurus Kanan TV3 merangkap Ahli Majlis Pentadbir *Malaysian Press Institute (MPI)*, rakan-rakan strategik, Pengurusan Tertinggi KP KT, ketua jabatan serta wakil-wakil PBT.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KP KT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KP KT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

